

## 2.PERATURAN PAKAIAN

### PELAJAR LELAKI :

#### A.Baju Kemeja / Baju T

1.Baju kemeja berkolar potongan biasa sama ada berleungan panjang atau pendek dibenarkan. Lain-lain jenis baju seperti baju T berkolar, baju T sukan atau seumpamanya dibenarkan untuk aktiviti riadah sahaja. Baju T tidak berkolar tidak dibenarkan.

2.Baju hendaklah disisipkan ke dalam seluar.

3.Baju kemeja berleungan panjang hendaklah dibutangkan di pergelangan tangan dan tidak dibenarkan dilipat.

4.Pemakaian semua jenis jaket tidak dibenarkan ke kelas akademik. Baju panas (*sweater*) dibenarkan dalam keadaan tertentu saja.

#### B.Seluar

1. Kain seluar '*slack*' yang dibenarkan ialah daripada jenis yang sesuai. Selain itu kain jenis Denim, PVC, '*Corduroy*' atau kulit tidak dibenarkan.

2.Pemakaian semua jenis '*jeans*' dan '*cotton slack*' tidak dibenarkan.

3.Fesyen seluar '*slack*' hendaklah tidak terlalu longgar '*baggy*', '*slim fit*', terlalu ketat dan berkaki singkat tidak dibenarkan. Paras kaki seluar hendaklah melepasi bawah buku lali dan ukur lilit seluar di antara 35 cm – 45 cm.

#### C.Tali Pinggang

1.Tali pinggang hendaklah dari jenis kulit atau PVC.

2.Lebar tali pinggang hendaklah di antara 2.5 cm – 3.0 cm dan berwarna hitam atau coklat tua. Tali pinggang yang berwarna-warni dan berbelang tidak dibenarkan.

3.Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar dan tidak mempunyai lambang yang tidak sesuai, seperti lambang binatang atau tulisan yang tidak sesuai dan tidak bermoral.

#### D.Kasut dan Stoking

1.Kasut hendaklah dari jenis kulit atau PVC berwarna hitam. Kasut sukan, selipar, sandal, 'boot', 'semi boot', atau lain-lain kasut yang berwarna- warni dan bercorak tidak dibenarkan ke kawasan akademik dan pentadbiran.

2.Pemakaian kasut bersama stoking adalah diwajibkan. Stoking hendaklah menutupi buku lali.

3.Warna stoking hendaklah sesuai dan tidak berbelang-belang atau berwarna-warni.

#### E.Tali Leher

1.Tali leher rasmi maktab sahaja yang dibenarkan ketika mengenakan pakaian rasmi maktab.

2.Tali leher yang lain dibenarkan ketika mengenakan pakaian bukan pakaian rasmi maktab.

3.Tali leher hendaklah dipakai semasa upacara

#### F.Tutup Kepala

1.Hanya songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan dipakai semasa majlis rasmi.

2.Kopiah dan serban dibenarkan untuk tujuan menunaikan solat sahaja.

3.Topi dan '*cap*' dibenarkan untuk tujuan bersukan sahaja.

### PELAJAR PEREMPUAN

#### A.Baju dan Kain

1.Pelajar hanya dibenarkan memakai baju kurung untuk ke kawasan akademik dan pentadbiran.

2.Pelajar bukan Islam digalakkan memakai baju kurung dan dibenarkan memakai blaus berleungan serta skirt labuh melebihi paras lutut.

3.Baju dan kain hendaklah tidak ketat dan jarang.

#### B.Tudung

1.Tudung hendaklah berbentuk segi tiga depan dan belakang serta dijahit di bahagian depan.

2.Tudung dan anak tudung berwarna putih sahaja dibenarkan pada waktu akademik.

3.Warna lain dibenarkan di luar waktu akademik.

4.Tudung hendaklah tidak jarang dan tidak bercorak serta perlu menutupi bahagian dada.

#### C.Kasut

1.Kasut hendaklah jenis yang bersarung dan bukan dari jenis selipar atau sandal.

2.Kasut warna hitam sahaja dibenarkan dipakai pada waktu akademik.

3.Kasut "*berfesyen*" dan berwarna-warni tidak dibenarkan.

4.Ketinggian tumit tidak melebihi 2.5 cm

## PAKAIAN LARANGAN

Pada bila-bila masa di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai / memiliki / menyimpan pakaian seperti berikut :-

1.Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai menjolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Agama Islam atau pakaian ketat yang memperlihatkan raut anggota atau tubuh badan pemakainya atau pakaian yang ditafsirkan sebagai 'seksi' atau bertentangan dengan nilai-nilai budaya dan moral masyarakat.

2.Baju atau pakaian yang ada gambar orang atau kumpulan seperti penyanyi, pemimpin, ahli sukan dan sebagainya atau gambar-gambar lucah atau gambar-gambar yang bertentangan dengan akidah Islam atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya maktab dan negara.

3.Baju atau pakaian yang bertulis dengan tulisan atau lakaran lucah, ganas atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya bangsa dan negara.

4.Semua jenis 'jeans' dan 'cotton slacks'.

5.Tali pinggang berkepala besar, 'rugged', berwarna-warni dengan tulisan atau lakaran atau reka bentuk binatang, lucah, ganas dan sebagainya.

6.Mini telekung (tudung bulat labuh) untuk pelajar

7.Tidak memakai baju, memakai baju menampakkan pusat, berkemban, memakai tuala mandi sahaja dan berkaki ayam.

8.Memakai sebarang jenis pakaian yang dianggap tidak sesuai / tidak wajar dipakai oleh pelajar sekolah.

9.Memakai baju T tidak berkolar.

10.Memakai baju yang menyerupai tentera, polis atau agensi-agensi keselamatan lain.

11.Memakai pakaian yang selekeh, kotor, koyak, berbau busuk atau bertampal.

### KAD PELAJAR

1.Kad Pelajar hendaklah sentiasa dipakai semasa ke kelas akademik atau upacara rasmi maktab.

2.Kad Pelajar tersebut tidak boleh ditukar dengan Kad Pelajar orang lain.

3. Kad Pelajar tersebut tidak boleh diubahsuai atau diconteng dan tidak boleh mempunyai nama dalam bentuk samaran.

4.Kad Pelajar hendaklah dipakai dengan memaparkan bahagian hadapan

5.Kad Pelajar hendaklah disematkan di bahagian kiri baju pelajar.

6.Kehilangan atau kerosakan Kad Pelajar hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pentadbiran mak.

## PENAMPILAN DIRI PELAJAR LELAKI

### A.RAMPUT

1.Rambut mestilah sentiasa pendek, tidak tebal dan tidak mencecah kolar baju.

2.Rambut mestilah bersih dan disikat.

3.Membotakkan kepala tidak dibenarkan

4.Mewarnakan rambut tidak dibenarkan.

5.Stail rambut yang keterlaluan seperti '*punk, trojan, skin head, boss*' dan lain-lain tidak dibenarkan.

6.Menyimpan jambul melebihi aras kening dan ekor rambut tidak dibenarkan.

7.Menggunakan gel, pengeras rambut atau minyak rambut yang berbau tengik tidak dibenarkan.

### B.MISAI, JANGGUT DAN JAMBANG

1.Menyimpan misai dan janggut tidak dibenarkan.

2.Jambang atau ekor pipit yang dibenarkan adalah 2 cm sahaja.

### C.CERMIN MATA / KANTA LEKAP

1.Tidak dibenarkan memakai cermin mata / kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.

2.Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan berwarna atau berfesyen.

3.Cermin mata / kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja .

4.Memakai cermin mata hitam / gelap tidak dibenarkan .

### D.KUKU

1.Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.

2.Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.

3.Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

### **E. PEMAKAIAN AKSESORI / BARANG KEMAS**

1. Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambang keagamaan tidak dibenarkan.
2. Bertindik, bertatu, dan berinai tidak dibenarkan.

### **PELAJAR PEREMPUAN**

#### **A. RAMBUT**

1. Rambut hendaklah pendek, jika panjang mestilah diikat / didandan dengan riben hitam / putih atau biru.
2. Rambut tidak boleh menutupi bahagian muka.
3. Rambut yang berfesyen dan berwarna tidak dibenarkan.
4. Rambut mesti kemas dan bersih.

#### **B. MUKA**

1. Memakai alat solek seperti gincu, celak dan lain-lain tidak dibenarkan.
2. Mencukur bulu kening atau mencabutnya tidak dibenarkan.

#### **C. KUKU**

1. Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.
2. Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.
3. Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.


#### **D. CERMIN MATA / KANTA LEKAP**

1. Tidak dibenarkan memakai cermin mata / kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.
2. Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan berwarna atau berfesyen.
3. Cermin mata / kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja.
4. Memakai cermin mata hitam/gelap tidak dibenarkan

#### **E. PEMAKAIAN AKSESORI / BARANG KEMAS**

1. Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambang keagamaan tidak dibenarkan.
2. Bertindik, bertatu, dan berinai tidak dibenarkan.

### **Surat Pekeliling Iktisas No.2/1976 (Kementerian Pelajaran Malaysia)**



### **Surat Pekeliling Iktisas No. 3/1983 (Kementerian Pelajaran Malaysia)**



### **3.0 PERATURAN KELUAR KAMPUS Keluar Ke Bandar**

1. Pelajar dibenarkan keluar ke bandar yang berdekatan dengan maktab / bandar pada hari yang ditentukan oleh pihak maktab.
2. Masa keluar ke bandar hendaklah mengikut masa yang ditetapkan oleh pihak maktab.
3. Pelajar dikehendaki mendapatkan tandatangan kebenaran daripada Guru Asrama bertugas.
4. Pelajar hendaklah keluar secara berkumpulan sekurang-kurangnya dua orang.
5. Pelajar digalakkan menggunakan pengangkutan awam.
6. Tinggalkan kad 'outing' yang telah ditandatangani oleh Guru Asrama di pondok pengawal.
7. Pelajar dikehendaki memakai pakaian 'outing' yang telah ditetapkan (rujuk peraturan pakaian keluar ke bandar).
8. Semasa keluar ke bandar pelajar tidak dibenarkan mengunjungi tempat-tempat berikut:
  - \* Pusat permainan hiburan seperti 'Billiard', 'Pin Ball', 'Video Games' dan 'Snuker'.
  - \* Semua kelab malam, bar, disko dan seumpamanya
  - \* Semua tempat pelacuran, rumah urut dan seumpamanya.
  - \* Pusat hiburan seperti pawagam
9. Pelajar hendaklah menjaga imej dan nama baik maktab.
10. Pelajar dikehendaki melaporkan diri di pondok pengawal dan mengambil kembali kad 'outing' semasa kembali ke maktab.

### **Pulang Bermalam**

1. Pelajar dibenarkan pulang bermalam mengikut jadual pulang bermalam yang telah ditetapkan oleh pihak maktab.
2. Ibu bapa / penjaga atau wakilnya hendaklah membuat permohonan dengan mengisi borang pulang bermalam atau surat rasmi.
3. Permohonan hendaklah di alamatkan kepada pengetua dan sampai kepada pihak maktab lima hari sebelum tarikh pulang.
4. Permohonan pulang bermalam perlu mendapat kelulusan daripada Pengetua / Timbalan Pengetua (PPP) / Ketua Guru Asrama.
5. Pelajar hendaklah membawa borang permohonan pulang bermalam yang telah diluluskan kepada Guru Asrama bertugas untuk mendapat tandatangan kebenaran pulang pada kad 'outing' pelajar.
6. Borang permohonan pulang bermalam hendaklah diserahkan kepada Guru Asrama bertugas untuk difaillkan.
7. Pelajar hendaklah meninggalkan kad 'outing' di pondok pengawal dan mengambil kad pengesahan pulang bermalam daripada pengawal untuk ditandatangani oleh ibu bapa / penjaga.
8. Pelajar dikehendaki mematuhi peraturan pakaian pulang bermalam semasa pulang dan kembali ke maktab.
9. Pelajar hendaklah menjaga nama baik dan imej maktab ketika pulang bermalam.
10. Pelajar hendaklah kembali semula ke maktab sebelum jam 18.00 pada tarikh yang ditetapkan.
11. Pelajar hendaklah melaporkan diri di pondok pengawal dengan menyerahkan kad pengesahan pulang bermalam yang telah ditandatangani oleh ibu bapa / penjaga dan mengambil kembali kad 'outing'.
12. Sekiranya pelajar tidak dapat kembali ke maktab pada tarikh yang ditetapkan, ibu bapa / penjaga hendaklah memaklumkan kepada pihak maktab dengan menyatakan sebab-sebab tidak dapat kembali sebelum jam 10.00 keesokannya.

### **Pulang Kecemasan**

1. Ibu bapa / penjaga hendaklah membuat permohonan pulang kecemasan dan mendapat kelulusan daripada Pengetua / Timbalan Pengetua (PPP) / Ketua Guru Asrama.

2. Ibu bapa / penjaga / wakil hendaklah datang mengambil pelajar di maktab. Pelajar tidak dibenarkan balik sendiri kecuali langkah-langkah keselamatan telah disempurnakan dan mendapat keizinan daripada ibu bapa / penjaga.

3. Peraturan pulang bermalam pada cerai b (vi) hingga b (xiii) hendaklah dipatuhi.

### **Keluar Mengikuti Program ( lawatan, aktiviti homeroom / akademik, perkhemahan, kokurikulum dan seumpamanya)**

1. Program telah diluluskan oleh Pengetua / Timbalan Pengetua (KA) / (PP) / (PB) (mana yang berkenaan).
2. Surat pengesahan kelulusan, kad 'outing' peserta dan senarai peserta yang disahkan oleh guru penasihat / pengiring hendaklah dikemukakan kepada Guru Asrama bertugas.
3. Pelajar yang ditahan kad 'outing' atau dikenakan tahanan dalam maktab tidak dibenarkan menyertai program.
4. Guru Asrama hanya menandatangani kebenaran pada senarai peserta sahaja tanpa menandatangani semua kad 'outing'.
5. Salinan senarai nama yang disertakan bersama kad 'outing' peserta hendaklah diserahkan di pondok pengawal.
6. Peserta hendaklah mematuhi peraturan pakaian yang telah ditetapkan berdasar program yang disertai.
7. Peserta hendaklah sentiasa menjaga imej dan nama baik maktab semasa mengikuti program yang disertai.
8. Peserta hendaklah melaporkan diri di pondok pengawal dan mengambil kembali kad 'outing' sebelum masuk ke asrama.

### **Keluar Ke Klinik (di luar waktu pejabat)**

1. Melaporkan kepada Guru Asrama bertugas.
2. Mendapat rawatan di klinik / hospital dengan dihantar oleh Guru Asrama bertugas / pemandu bertugas.
3. Melaporkan diri di pondok pengawal dengan meninggalkan kad 'outing' dan mengambil kembali ketika masuk semula ke maktab.

### **Keluar Untuk Solat Jumaat**

1. Pelajar hendaklah mematuhi masa pergi dan balik yang telah ditetapkan oleh pihak maktab.

2. Pelajar hendaklah mematuhi peraturan pakaian solat Jumaat.

3. Pelajar tidak dibenarkan melencong ke tempat lain kecuali ke masjid untuk solat Jumaat.

4. Pelajar hendaklah menjaga tertib dan adab semasa di masjid.

5. Pelajar hendaklah pulang ke maktab setelah doa selesai dibacakan.

#### 4. PERATURAN KELAS PERSEDIAAN

1. Pelajar wajib hadir pada waktu yang ditetapkan di kelas atau di tempat yang dibenarkan oleh pihak maktab.

2. Waktu kelas persediaan bagi MRSM Langkawi, Kedah.

Bil	Perkara	Hari	Masa
1	Kelas Persediaan Petang	Isnin – Khamis	15.15 – 16.30
2	Kelas Persediaan Malam	Ahad – Rabu Sabtu	20.45 – 22.30 20.45 – 22.30
3	Kelas Persediaan Pagi	Sabtu sahaja	8.00 – 11.30

\* Tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan maktab.

3. Pelajar tidak dibenarkan berada di kawasan asrama pada waktu kelas persediaan.

4. Pelajar yang sakit hendaklah berada di 'Sick Bay' dengan kebenaran Guru Asrama bertugas.

5. Pelajar hendaklah memakai pakaian kelas persediaan yang telah ditetapkan (rujuk peraturan pakaian ke kelas persediaan)

6. Aktiviti seperti jamuan, mesyuarat dan sebarang jenis perjumpaan tidak dibenarkan pada waktu kelas kecuali dengan kebenaran Ketua Guru Asrama.

7. Pelajar dilarang merayau-rayau, mengganggu pelajar lain dan membuat bising pada waktu kelas persediaan.

8. Pelajar dilarang membawa dan menggunakan radio transistor, 'mp3', pemain cakera padat / digital, majalah dan bahan bacaan bukan akademik ke kelas persediaan.

9. Pelajar tidak dibenarkan berada di bangunan akademik selepas jam 23.00 kecuali bersama guru dan mendapat kebenaran Pengetua / Timbalan Pengetua (PPP) atau Guru Asrama bertugas.

10. Suis lampu dan kipas hendaklah dipadamkan sebelum meninggalkan kelas persediaan.

#### 5. PERATURAN PENGINAPAN Penempatan Pelajar

1. Pelajar tidak dibenarkan berpindah ke tempat lain tanpa kebenaran Ketua Guru Asrama.

2. Pelajar hendaklah mengisi Borang Penerimaan Alatan (BPA) dan memeriksa serta mengesahkan keadaan alatan yang diterima.

3. BPA yang telah ditandatangani oleh pelajar hendaklah diserahkan kepada Guru Asrama.

4. Bayaran gantirugi akan dikenakan jika terdapat sebarang kerosakan alatan yang dipinjamkan.

#### Kebersihan Bilik

1. Bilik mestilah sentiasa kemas, bersih dan teratur.

2. Kad Identiti Pelajar mesti ditampalkan pada penjuru atas kiri almari.

3. Buku dan alatan hendaklah disusun dengan kemas.

4. Sampah hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.

5. Gambar dan poster tidak dibenarkan ditampal di dinding.

6. Hanya cadar dan sarung bantal maktab sahaja dibenarkan.

7. Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.

8. Pakaian yang kering hendaklah dilipat kemas dan disimpan dalam almari.

9. Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di ampaijan yang disediakan

10. Barang-barang yang tidak digunakan seperti beg dan kotak hendaklah disimpan di dalam stor/tempat yang ditentukan.

11. Dilarang meletakkan sebarang alatan/barangan di tingkap asrama.

12. Kasut hendaklah disimpan di tempat yang disediakan.

13. Ampaijan hendaklah dikosongkan sebelum jam 19.00.

14. Pemeriksaan asrama akan dijalankan setiap hari sebelum kelas bermula.

#### Peraturan Am

1. Pada hari persekolahan, semua pelajar hendaklah berada di tempat perhimpunan pada jam 07.15.

2. Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada waktu akademik. Sebelum meninggalkan asrama, bilik hendaklah dipastikan kemas dan bersih.

3. Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari dan alatan tidak boleh diubah tanpa kebenaran.

4. Semua pakaian pelajar hendaklah ditanda dengan No. Maktab.

5. Kebersihan persekitaran asrama adalah tanggungjawab bersama

6. Semua jenis makanan basah tidak dibenarkan di asrama.

7. Alatan berbahaya seperti pisau, racun, asid dan sebagainya tidak dibenarkan dimiliki/disimpan/diguna di asrama.

8. Pelajar hendaklah sentiasa menghormati pekerja/kakitangan asrama.

9. Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di asrama.

10. Pelajar bertanggungjawab memastikan semua suis alatan elektrik dimatikan sebelum meninggalkan asrama.

11. Pelajar yang sakit hendaklah berada di bilik sakit pada waktu akademik.

12. Pelajar hendaklah berada di asrama sebelum jam 23.00 sehingga jam 05.30.

13. Pelajar hendaklah memastikan asrama berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur sebelum pulang bercuti.

14. Pelajar hendaklah mengamalkan amalan penjimatan air dan elektrik bagi mengelakkan pembaziran.

### 3. PERATURAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN

#### Bilik Rekreasi / Bilik Rehat / Bilik Bacaan

##### A. Menonton Televisyen

1. Pelajar tidak dibenarkan menonton pada hari persekolahan.

2. Pelajar dibenarkan menonton pada waktu makan tengahari dan hujung minggu sahaja .

3. Pelajar hendaklah mematikan suis televisyen, lampu dan kipas selepas digunakan.

##### B. Surat Khabar/ Majalah

1. Majalah dan bahan bacaan yang dibenarkan oleh maktab sahaja dibenarkan berada di bilik bacaan.

2. Semua majalah/ surat khabar hendaklah diletakkan di tempat asal setelah dibaca.

- i. Kebersihan dan kekemasan bilik rehat hendaklah dijaga dengan rapi.
- ii. Majalah/surat khabar tidak dibenarkan dibawa keluar dari bilik bacaan.

3. Kebersihan dan kekemasan bilik rehat hendaklah dijaga dengan rapi.

4. Majalah/surat khabar tidak dibenarkan dibawa keluar dari bilik bacaan.

##### C. Bilik Utiliti

1. Kebersihan bilik adalah tanggungjawab bersama.

2. Pastikan suis alatan yang digunakan dimatikan dan plugnya dicabut.

3. Pelajar tidak dibenarkan membawa keluar alatan dari Bilik Utiliti.

#### D. Bilik Sakit

1. Pelajar yang mendapat kebenaran dari pihak maktab sahaja dibenarkan berada di bilik sakit.

2. Kebersihan dan kekemasan bilik sakit hendaklah sentiasa dijaga.

3. Pelajar dikehendaki mengisi butiran diri di dalam Buku Daftar Bilik Sakit ketika mendaftar masuk dan keluar.

#### E. Surau

1. Semua pelajar Islam wajib solat fardu di surau.

2. Pelajar wajib menunaikan solat fardu secara berjemaah.

3. Semua pelajar Islam diwajibkan mengikuti aktiviti keagamaan yang diadakan di surau.

4. Kebersihan surau adalah menjadi tanggungjawab

5. Surau hendaklah digunakan hanya untuk solat dan aktiviti keagamaan sahaja.

6. Pelajar hendaklah memakai pakaian yang sesuai untuk ke surau.

7. Penggunaan peralatan surau adalah menjadi tanggungjawab Biro Kerohanian Asrama/BWP.

8. Suis Sistem PA, lampu dan kipas hendaklah dimatikan selepas selesai aktiviti surau.

9. Pintu, tingkap dan pili air hendaklah ditutup selepas digunakan.

#### F. Penggunaan Telefon / Komputer Riba / Tablet

1. Telefon bimbit / 'mobile phone', adalah dibenarkan .

2. Hanya komputer riba atau tablet sahaja dibenarkan digunakan di kawasan akademik dengan pengawasan guru.

3. Penggunaan telefon hanya dibenarkan ketika berada di asrama dan ketika keluar dari kawasan maktab.

4. Penggunaan telefon di dalam kawasan maktab seperti kawasan akademik, riadah, surau, dewan makan dan sebagainya adalah **dilarang**.

#### G. Dewan Selera

1. Pelajar hendaklah beratur dan dilarang memotong barisan semasa mengambil makanan.

2. Kebersihan Dewan Selera adalah tanggungjawab bersama.

3. Sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.

4. Pelajar dilarang menyuruh rakan mengambil makanan bagi pihaknya

5. Kerusi hendaklah disusun semula selepas digunakan.

6. Pelajar hendaklah sentiasa menjaga adab/tatatertib semasa makan

7. Pakaian semasa di Dewan Selera mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Pakaian Dewan Selera.

8. Pelajar dilarang membawa keluar makanan dan peralatan dari Dewan Selera.
9. Pelajar tidak dibenarkan masuk ke dapur atau kaunter agihan makanan.
10. Buku-buku dan peralatan peribadi tidak dibenarkan dibawa ke Dewan Selera.
11. Pelajar yang ingin meminjam/menggunakan peralatan Dewan Selera mesti mendapat kebenaran Pengetua/Timbangan Pengetua (PPP).
12. Pelajar mesti mematuhi waktu makan seperti dalam Jadual Harian/Mingguan Kehidupan Di Asrama.

#### **H. Tandas/Bilik Mandi/Bilik Basuh**

1. Kebersihan tandas / bilik mandi / bilik basuh.
2. Pelajar dilarang membuang sampah ke dalam mangkuk tandas / singki.
3. Pakaian, tuala mandi dan barang peribadi tidak dibenarkan ditinggalkan di dalam tandas / bilik mandi / bilik basuh.
4. Tuala wanita/ 'sanitary pad' hendaklah dibuang di tempat yang dihaskan.
5. Pili air dan suis lampu hendaklah sentiasa ditutup selepas digunakan.
6. Pelajar tidak dibenarkan merendam pakaian di dalam singki.
7. Pelajar hendaklah menyediakan jadual tugas membersihkan tandas / bilik mandi / bilik basuh.
8. Sebarang kerosakan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak maktab.
9. Jadual membersihkan tandas oleh pelajar hendaklah ditampal di dinding luar bilik air.

#### **PERATURAN KESELAMATAN Penggunaan Elektrik**

1. Lingkaran Pemanas/ 'Water heater' dan cerek elektrik bukan automatik tidak boleh digunakan.
2. Sambungan elektrik secara haram tidak dibenarkan.
3. Pastikan plug ditanggalkan dari soket setelah digunakan.
4. Penggunaan peralatan elektrik semasa kilat adalah ditegah.
5. Seterika elektrik boleh digunakan di bilik yang dihaskansahaja.
6. Semua peralatan elektrik yang hendak digunakan di asrama hendaklah didaftarkan terlebih dahulu.
7. Menggunakan peralatan elektrik yang rosak adalah ditegah.
8. Pastikan semua suis dimatikan selepas digunakan.
9. Sebarang kerosakan berkaitan dengan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada pihak maktab.

#### **Semasa Berlaku Kebakaran**

1. Apabila berlaku kebakaran, loceng kecemasan hendaklah dibunyikan.
2. Pelajar pertama yang menyedari kebakaran hendaklah menghubungi pihak Bomba.
3. Pelajar mestilah meninggalkan bangunan asrama dengan serta-merta.
4. Semua suis lampu dan kipas mestilah dimatikan.
5. Pelajar hendaklah bergerak ke tempat perhimpunan mengikut pelan kecemasan yang ditetapkan.
6. Di tempat perhimpunan, pelajar hendaklah berbaris mengikut bilik masing-masing dan ketua aras/blok hendaklah menyemak dan memastikan bilangan pelajar aras/bloknya mencukupi.
7. Ketua aras/blok hendaklah melaporkan bilangan pelajar di aras / bloknya kepada warden.
8. Guru Asrama hendaklah melaporkan kejadian kebakaran kepada Pengetua.
9. Pelajar hanya dibenarkan bersurai apabila diarahkan.

#### **Keselamatan Wang**

##### **A. Wang Tunai**

1. Pelajar tidak dibenarkan menyimpan wang tunai lebih daripada RM50.00 (Lima Puluh Ringgit Sahaja)
2. Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dalam bank atau penasihat *homeroom*/Guru Asrama.

##### **B. Kad ATM**

1. Kad ATM mestilah disimpan di tempat yang selamat.
2. Nombor PIN hendaklah dihafal dan dimusnahkan.
3. Pelajar tidak dibenarkan meminta bantuan orang lain untuk mengeluarkan wang dengan menggunakan kad ATMnya.
4. Pelajar hendaklah melaporkan kehilangan kad ATM dengan segera kepada pihak berkenaan.

#### **Keselamatan Umum**

1. Penggunaan ubat nyamuk lingkar, pelita dan lilin tidak dibenarkan.
2. Pelajar hendaklah mengetahui cara menggunakan alat pemadam api semasa berlaku kebakaran.
3. Jika berlaku kecemasan pelajar hendaklah menghubungi Guru Asrama / Ketua Guru Asrama / Pengawal Keselamatan dengan segera.
4. Peti pertolongan cemas boleh didapati daripada Guru Asrama / Bilik Rawatan / Bilik Gerakan Guru Asrama / Pondok Pengawal.

